



Paparan Usahawan Malaysia Dalam Rancangan Televisyen “Lensa”

Ahmad Faisal Mohamed Fiah

Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media,
Universiti Teknologi MARA, Malaysia

ABSTRAK

Perkembangan teknologi penyiaran dunia telah mewujudkan pembaharuan yang baik di dalam komunikasi masyarakat hingga menghasilkan medium komunikasi yang lebih moden seperti media sosial dan laman web perkongsian video yang dapat memberi manfaat yang positif kepada pengguna. Bermula September 2014, Radio Televisyen Malaysia (RTM) dengan kerjasama Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media telah menerbitkan program televisyen yang dikenali sebagai “Lensa Siswa” yang kemudiannya dikenali sebagai “Lensa” di mana ia turut melibatkan kerjasama sebuah NGO yang dikenali sebagai Persatuan Penyiar Muda Malaysia. “Lensa” adalah program bersifat perkongsian video oleh rakyat dan dalam masa yang sama juga memaparkan video yang dihasilkan oleh pasukan penerbitannya yang terdiri daripada wakil ketiga-tiga entity berkenaan. “Lensa” boleh dianggap sebagai satu dimensi baharu dalam dunia penyiaran Malaysia malahan secara tidak langsung menjadi contoh terhadap “strategi lautan biru” yang hangat diperkatakan masa kini. Antara video atau paparan rakyat yang dipaparkan termasuklah perkembangan dan aktiviti pelbagai usahawan di negara ini. Justeru, dalam kertas persidangan ini, penulis membincangkan pengalaman pasukan penerbitan Lensa dalam sama-sama membantu meningkatkan hasil tambah usahawan di negara ini.

Kata kunci: *usahawan, media, penyiaran*

1 PENGENALAN

Bermula Januari 2016, satu lagi sejarah penyiaran Malaysia khususnya di Radio Televisyen Malaysia (RTM) tercatat selepas program yang dikenali sebagai “Lensa” bersiaran secara rasmi di saluran TV1, setiap hari Selasa jam 7.30 malam (bermula bulan Julai, ia bersiaran pada jam 7.45 malam hari yang sama). Namun demikian, Lensa sebenarnya telah bertapak lebih awal sebelum itu di mana ia dikenali sebagai “Lensa Siswa”. Lensa Siswa bertukar nama kepada Lensa bagi membolehkan paparan yang lebih luas dapat diberikan dan dalam masa yang sama dapat mengurangkan persepsi masyarakat bahawa program ini hanya untuk “siswa” semata-mata. Bagaimanapun, “Lensa Siswa” masih lagi dikekalkan sebagai salah satu segmen di dalam program Lensa bagi membolehkan aspirasi asas program ini iaitu untuk memaparkan hasil kreativiti masyarakat terutama di kalangan mahasiswa dapat diteruskan. Program Lensa dan terdahulu Lensa Siswa adalah kerjasama RTM dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) menerusi Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media. Selepas lebih 40 tahun ditubuhkan, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM) mencatat sejarahnya tersendiri selepas diberikan tanggungjawab secara bersama dalam menerbitkan program televisyen bersama-sama radio Televisyen Malaysia (RTM). Malahan FKPM merupakan fakulti pertama daripada institusi pengajian tinggi yang diberikan “airtime” di sesebuah stesen televisyen.

“Lensa Siswa” merupakan penerbitan program TV yang telah memulakan siaran pada 5 September 2014 dan bersiaran setiap hari Jumaat dari jam 7.00 malam hingga 7.30 malam. Konsep penerbitan program TV ini adalah bersifat kompilasi hasil-hasil video pakej yang dihasilkan mahasiswa di negara ini. “Pakej” bermaksud penghasilan suatu video yang lengkap dengan suara latar (VO), “stand-up” dan disunting sendiri oleh mahasiswa sebelum pihak “gatekeeper” atau penerbit menapis serta melakukan suntingan akhir sebelum ianya disiarkan.

Durasi keseluruhan program ini adalah antara 15 hingga 30 minit dan durasi bagi setiap pakej ialah antara 3 hingga 7 minit (maksimum). Setiap pakej menampilkan isu-isu tertentu namun tidak semestinya isu yang dibawakan adalah selari dengan isu yang dibawa media arus perdana. Setiap pakej atau kupasan haruslah mempunyai tema-tema tertentu atau isu-isu tertentu dan semestinya pakej yang dihasilkan tertakluk kepada undang-undang di negara ini khususnya yang membabitkan bahan siaran yang dirasakan mampu mendatangkan kemudatan adalah ditegah sama sekali. Setiap pakej tidak semestinya menampilkan laporan khas atau pakej yang membabtkan aktiviti di university semata-mata malahan merangkumi pelbagai tema-tema yang lain antaranya, berita-berita penyelidikan, isu-isu semasa masyarakat dan negara (dihasilkan daripada kacamata mahasiswa), isu-isu setempat, laporan khas yang mempunyai unsur-unsur “human interest”, dan tugas siswa yang melibatkan penghasilan video (kecuali drama pendek). Secara

umum, rancangan Lensa Siswa adalah salah satu cara bagi menghargai suara “orang muda” dan memberi platform kepada golongan muda khususnya siswa dalam menonjolkan idea dan bakat masing-masing khususnya dalam bidang penyiaran dan media. Selain itu, program ini turut member peluang kepada siswa lain untuk menunjukkan kepada umum hasil usaha di university masing-masing. Rancangan ini sepenuhnya diilhamkan sendiri oleh Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media menerusi mantan Koordinator Penyiaran, En. Ahmad Faisal Mohamed Fiah. Sementara itu, di pihak Radio Televisyen Malaysia (RTM) pula ianya diketuai penerbit di Pusat Berita TV RTM, Raja Ahmad Yusof Raja Amzah. Pengurusan Pusat Berita TV yang diketuai Pengarah, Tuan Haji Wan Bukhari Wan Daud serta pengurusan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM yang diketuai Prof. Dr. Azizul Halim Yahya juga tidak putus-putus memberikan sokongan dalam menjayakan idea ini program ini dapat disiarkan dengan jayanya. Sekalipun tidak melibatkan pulangan langsung kepada UiTM dan FKPM dalam bentuk kewangan namun nilainya adalah kira-kira RM500000 setahun jika dikira dengan nilai “airtime” pada waktu yang telah disediakan untuk rancangan ini.

2 OBJEKTIF LENSA

Matlamat utama rancangan ini ialah untuk memaparkan pakej video yang dihasilkan oleh rakyat Malaysia dan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi. Secara umumnya, setiap pakej yang dihasilkan adalah dalam bentuk pelaporan awam yang membawa mesej-mesej tertentu khususnya yang mempunyai kepentingan langsung atau tidak langsung dengan masyarakat di negara ini. Berikut adalah objektif khusus penerbitan program TV ini:

- i. Memaparkan hasil-hasil video yang dihasilkan oleh rakyat Malaysia khususnya mahasiswa.
- ii. Platform dalam mengetengahkan kisah-kisah masyarakat yang selama ini dipinggirkan atau tidak mendapat perhatian media.
- iii. Menjadi platform buat mahasiswa dalam menonjolkan bakat menghasilkan video yang mempunyai mesej yang bagus serta menampilkan isu-isu tertentu daripada perspektif siswa dan akar umbi.

3 KONSEP DAN TEMA

Konsep penerbitan program TV ini adalah bersifat kompilasi hasil-hasil video pakej yang dihasilkan mahasiswa di negara ini. “Pakej” bermaksud penghasilan suatu video yang lengkap dengan suara latar (VO), “stand-up” dan disunting sendiri oleh mahasiswa sebelum pihak “gatekeeper” atau penerbit menapis

serta melakukan suntingan akhir sebelum ianya disiarkan. Durasi keseluruhan program ini adalah antara 15 hingga 30 minit dan durasi bagi setiap pakej ialah antara 3 hingga 7 minit (maksimum). Setiap pakej menampilkan isu-isu tertentu namun tidak semestinya isu yang dibawakan adalah selari dengan isu yang dibawa media arus perdana. Setiap pakej atau kupasan haruslah mempunyai tema-tema tertentu atau isu-isu tertentu dan semestinya pakej yang dihasilkan tertakluk kepada undang-undang di negara ini khususnya yang membabitkan bahan siaran yang dirasakan mampu mendatangkan kemudharatan adalah ditegah sama sekali. Setiap pakej tidak semestinya menampilkan laporan khas atau pakej yang membabitkan aktiviti di university semata-mata malahan merangkumi pelbagai tema-tema yang lain antaranya :

- a) Berita-berita penyelidikan
- b) Isu-isu semasa masyarakat dan negara (dihasilkan daripada kacamata mahasiswa)
- c) Isu-isu setempat
- d) Laporan khas yang mempunyai unsur-unsur “human interest”
- e) Tugas siswa yang melibatkan penghasilan video (kecuali drama pendek)

4 PENUBUHAN PERSATUAN PENYIAR MUDA MALAYSIA (MYBRO)

Pada 1 September 2015, tercatat satu sejarah baharu apabila pada tarikh ini satu badan bukan kerajaan (NGO) yang dikenali sebagai Persatuan Penyiar Muda Malaysia atau Malaysia Young Broadcaster Society (MyBro) ditubuhkan. MyBro mempunyai peranan dan sasaran berbeza dengan NGO lain yang turut berdaftar dibawah Pendaftar Pertubuhan Malaysia (ROS). Antara tujuan penubuhan MyBro termasuklah untuk mengumpulkan sebarapa ramai penggiat dan peminat bidang penyiaran televisyen dan radio terutamanya di kalangan orang muda di bawah satu bumbung. Pada masa kini, minat terhadap bidang penyiaran sama ada sedar atau tidak semakin meningkat di kalangan orang muda walaupun mereka tidak semestinya datang dari bidang pengajian media atau komunikasi oleh university atau institusi pengajian tinggi yang menawarkan bidang pengajian tersebut. Perkembangan teknologi komunikasi dan kewujudan laman web perkongsian video seperti Youtube dan Facebook menunjukkan bahawa minat masyarakat umum terutamanya orang muda semakin meningkat. Justeru, MyBro merasakan kenapa tidak jika minat sebegini dapat diterjemah pula ke media arus perdana seperti menerusi program TV seperti Lensa. Selain itu, MyBro turut berperanan dalam “membantu” mana-mana pihak yang memerlukan liputan disebabkan mungkin tidak semua stesen TV atau media arus perdana akan melakukan liputan ke atas acara atau sebarang usaha penganjur disebabkan oleh perkara-perkara tertentu. Konsep penyiaran secara “sukarela” ini masih boleh dianggap sebagai suatu yang baharu khususnya menerusi sebuah badan NGO memandangkan selama ini kebanyakan penganjur terlalu bergantung kepada media arus perdanan untuk

melakukan liputan. MyBro juga boleh dilihat sebagai “jambatan” antara masyarakat dengan RTM memandangkan tidak semua acara atau tempat mampu diliputi oleh krew RTM. MyBro juga mewujudkan “koresponden” dipelbagai tempat bagi membolehkan tempat-tempat khususnya yang sedikit terpencil dapat perhatian sewajarnya di RTM dan dapat dipaparkan menerusi program Lensa.

5 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Secara umumnya, program ini adalah usahasama penerbitan antara RTM, UiTM menerusi Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media serta Persatuan Penyiar Muda Malaysia (MyBro). Namun begitu bagi memastikan tidak wujud sebarang kekeliruan di masa akan datang, berikut adalah peranan dan tanggungjawab organisasi ini.

	RTM	UiTM & MyBro
1	Pemilik “airtime” - Berhak menentukan masa dan hari siaran serta durasi program	“Sekretariat” program - Bertanggungjawab mengumpul pakej yang telah siap disunting oleh siswa - Menentukan tema program mengikut kesesuaian tarikh siaran - Memastikan pakej atau bahan yang akan disiarkan bebas daripada unsur-unsur negative dan tidak sesuai untuk menjadi tatapan umum. - Memastikan mesej atau kandungan bahan tidak membawa mesej negatif.
2	Suntingan akhir - Menjalankan proses suntingan akhir sebelum setiap pakej disiarkan.	
3	Pemasaran dan publisiti - Menjalankan kerja-kerja pemasaran dan publisiti dalam	Pemasaran dan Publisiti

	<p>mewar-warkan kepada umum mengikut kesesuaian dan kemampuan yang ada.</p>	<p>- Menjalankan kerja-kerja publisiti namun dalam ruang serta jaringan yang sedia ada.</p>
--	--	--

6 GERAK KERJA

Secara umumnya, program ini adalah penerbitan bersama antara RTM dengan UiTM menerusi Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media. Kedua-dua pihak khususnya RTM telah mewujudkan jawatankuasa penerbitan atau production team di kalangan stafnya manakala di pihak UiTM pula akan mewujudkan satu jawatankuasa penyelaras di kalangan mereka yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang penyiaran khususnya yang bersifat penerbitan program TV. Kedua-dua telah bekerjasama dan bersepakat sebelum sesuatu pakej dipaparkan dalam program ini. Kerja-kerja penerbitan program ini juga perlu melalui proses-proses tertentu bagi memastikan setiap episod dapat diterbitkan dengan baik. Persatuan Penyiar Muda Malaysia (MyBro) juga berperanan dalam memastikan program ini diterbitkan seperti biasa setiap minggu. Konsep “kesukarelawanan” dalam penerbitan program TV di Malaysia boleh dianggap sebagai baharu. Kebiasaannya, penerbitan program TV dilakukan oleh syarikat penerbitan atau stesen TV sendiri. MyBro turut membuat liputan beberapa acara berdasarkan jemputan yang diterima dan kebiasaannya perbelanjaan yang membabitkan pihak MyBro untuk membuat setiap liputan ditanggung oleh penganjur memandangkan MyBro bergerak atas platform NGO dan dalam masa yang sama, RTM tidak membuat sebarang bayaran kepada UiTM dan MyBro serta keduanya pula tidak mengenakan sebarang bayaran terhadap RTM.

7 PAPARAN USAHAWAN MALAYSIA DALAM LENSA

Sejak mula dikenali sebagai “Lensa” pada Januari 2016 dan terdahulu program ini dikenali sebagai “Lensa Siswa” (kini Lensa Siswa adalah segmen di dalam Lensa), pelbagai paparan telah disiarkan dan pastinya antara kisah yang dibawakan termasuklah beberapa usahawan pelbagai jenis produk dan perkhidmatan di Malaysia. Ini adalah sebahagian usaha Lensa khususnya RTM sendiri dalam membantu

meningkatkan pasaran setiap usahawan yang dilibatkan. Setakat ini, kebiasaannya setiap paparan mengenai usahawan terbabit adalah sekitar tiga hingga lima minit setiap paparan. Sekalipun dilihat sebagai “pendek” atau “sedikit” durasi setiap paparan namun berdasarkan prinsip penyiaran di televisyen arus perdana, ia sebenarnya bernilai tinggi. Nilai pengiklanan pada waktu siaran Lensa ini iaitu pada jam 7.45 malam adalah sekitar RM3500 hingga RM5000 bagi setiap 30 saat. Justeru jika dihitung secara mudah, setiap paparan bernilai antara RM15000 hingga RM40000. Bagaimanapun, sekiranya usahawan tersebut mengadakan rundingan langsung dengan pihak pemasaran stesen TV, nilai-nilai ini mungkin berbeza mengikut kehendak masing-masing serta kebiasaannya juga ia dikira dari perspektif pengiklanan. Sekiranya diambil kira pula berdasarkan “impak” atau pulangan yang diterima setiap usahawan, dengan jumlah tontonan purata 300000 hingga 450000 pastinya memberikan pulangan tertentu kepada yang terlibat terutamanya dari segi kepekaan masyarakat dan penonton (awareness) terhadap usahawan terbabit.

8 KERJASAMA-KERJASAMA DENGAN PIHAK LAIN

Lensa Siswa tidak terhad dalam menyiarkan hasil kreativiti siswa semata-mata. Selepas lebih setahun bersiaran, Lensa Siswa turut menjalinkan kerjasama secara tidak langsung dengan beberapa pihak lain antaranya termasuklah kerjasama dengan Bahagian Sukan Kementerian Pendidikan Tinggi. Antara acara yang pernah Lensa Siswa diberikan peluang untuk membuat liputan termasuklah kejohanan Sukan Universiti Asean (AUG) 2014 yang berlangsung di Palembang, Indonesia. Selain itu, kerjasama sedemikian diteruskan pada tahun 2015 di mana Lensa Siswa diberi peluang untuk membuat liputan Sukan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SIPMA) yang berlangsung di Perlis yang dikelolakan oleh Majlis Sukan Kolej Komuniti dan terbaharu, pasukan penerbitan Lensa turut dijemput untuk membuat liputan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) yang berlangsung di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor Bahru.

9. PERANCANGAN MASA DEPAN

Selepas melalui fasa perubahan daripada “Lensa Siswa” kepada “Lensa”, pihak penerbitan menetapkan sasaran untuk mengembangkan aktivitinya dengan menjalinkan lebih banyak kerjasama dengan pelbagai pihak termasuklah insititusi pengajian tinggi, jabatan kerajaan yang lain serta agensi-agensi kementerian. Tidak ketinggalan, MyBro turut menjalinkan kerjasama dengan pihak luar negara bagi mengembangkan aktiviti di peringkat antarabangsa. Buat masa ini, antara pihak yang telah dikunjungi termasuklah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Permodalan Nasional Berhad (PNB), Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional (PTPTN) dan banyak lagi. Sementara itu, pada

ketika kertas persidangan ini disediakan, Lensa sedang melalui “rebranding”nya tersendiri dan dijangka pada awal atau pertengahan Oktober proses menyiapkan imej baharu yang mengandungi montaj, teaser baharu dan sebagainya dapat dilengkapkan dan sedia untuk digunakan. Ini juga boleh dianggap sebagai satu pencapaian tersendiri buat sesuatu program yang diterbitkan tanpa mendapat bantuan kewangan atau peruntukan khusus daripada stesen TV.

10. KESIMPULAN

Penerbitan program Lensa diasaskan bukan bertujuan untuk mengaut keuntungan bersifat materialistik semata-mata namun ia diwujudkan berasaskan kepada semangat untuk melihat lebih banyak idea-idea rakyat khususnya orang muda dan golongan pelajar pelbagai peringkat di negara ini dikongsi bersama. Selain itu Lensa Siswa turut membuktikan bahawa jalinan antara agensi kerajaan atau swasta boleh menghasilkan sesuatu yang menarik untuk manfaat masyarakat. Ini menunjukkan bahawa RTM dengan UiTM menerusi Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media serta Persatuan Penyiar Muda Malaysia (MyBro) secara tidak langsung telah mengaplikasikan konsep “blue ocean strategy” menerusi Lensa Siswa ini. RTM dan UiTM sememangnya terkenal dan mempunyai reputasi tersendiri sama ada dalam bidang penyiaran dan bidang pengajian media di negara manakala MyBro membawa dimensi baharu dalam peranan NGO terutamanya dalam aspek penyiaran di negara ini dan penyertaan masyarakat umum terhadap industri penyiaran Malaysia. Adalah diharapkan agar lebih banyak institusi tampil bekerjasama dalam menghasilkan sesuatu yang dapat memberikan pulangan kepada masyarakat. Akhir sekali adalah diharapkan juga agar lebih banyak pihak tampil bekerjasama dengan Lensa dalam menampilkan idea masing-masing serta penemuan yang dihasilkan. Sekiranya sumbangan dan kerjasama yang dihasilkan terus meningkat pada masa-masa akan datang, tidak mustahil Lensa akan menjadi suatu program televisyen yang menjadi kebanggaan semua terutamanya golongan mahasiswa.

Rajah 1: "Teaser" segmen Lensa Siswa



Rajah 2: "Ending credit" Lensa Siswa



RUJUKAN

Asthana, S. (2006) “Innovative Practices of Youth Participation in Media - A research study on twelve initiatives from around the developing and underdeveloped regions of the world” **UNESCO Research Report**. New York

Che Su Mustaffa & Nan Zakiah Megat Ibrahim (2014) “Persepsi dan Penggunaan Media Sosial Dari Perspektif Ibu Bapa : Satu Analisis Kualitatif” dalam *Jurnal Komunikasi* Vol 30, 43-74.

Livingstone, S. & Moira Bovill (1999) *Young People New Media*. United Kingdom : London School of Economics and Political Science.

Malila, V. *et al* (2013) *A Baseline Study of Youth Identity, The Media and The Public Sphere in South Africa*. South Africa : Rhodes University.

Murphy, P.D. (2007) *Media and Democracy in the Age of Globalization*. New York : State of New York Press.

Siti Ezaila Mustafa & Azizah Hamzah (2010) “Media Sosial: Tinjauan Terhadap Laman Jaringan Sosial Dalam Talian Tempatan” dalam *Jurnal Pengajian Media Malaysia* Vol 12 (2).